



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Bagan Datuk
36100 Bagan Datuk
Perak Darul Ridzuan

Telefon : 05-646 6436 / 05-646 6437
Faks : 05-6466418
E-mail : ppdbagandatur@moe.gov.my
Portal : <http://jpnperak.moe.gov.my/ppdbagandatur>

Ruj. Kami : PPD.BGD.100-3/4/4 (12)
Tarikh : 11 Julai 2018

Semua
Pengetua/Guru Besar
SMK/SK/SJK(C)/SJK(T)

Tuan,

**PEMAKLUMAN PINDAAN SURAT PERWAKILAN KUASA KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI MELULUSKAN PERJALANAN PEGAWAI
AWAM KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

Dengan segala hormatnya, Surat Ruj.KPM.100-2/5/7 JLD.251 (90) bertarikh 9 Februari 2018 dan Ruj.J.Pen.Pk.(AM) 4882/2 JILID 160 (51) bertarikh 30 Mei 2018 adalah dirujuk untuk maklumat dan perhatian pihak tuan selanjutnya.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mulai 9 Februari 2018, kuasa melulus permohonan ke luar negara atas urusan persendirian kepada semua guru-guru sekolah (Menengah dan Rendah), kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan kakitangan sekolah telah diturunkan kepada Pegawai Pendidikan Daerah masing-masing.

3. Sehubungan itu, Ketua Jabatan hendaklah memastikan permohonan tersebut hendaklah lengkap dan sampai ke Pejabat Pendidikan Daerah, Unit Pentadbiran dan Perkhidmatan (**u.p : Pn. Jaliah binti Mohd Yusof**) tidak kurang sebulan dari tarikh perjalanan beserta dokumen-dokumen berikut :-

- 3.1 Senarai Semak Permohonan
- 3.2 Borang Permohonan Lampiran 1, Lampiran 2, Lampiran A (permohonan insurans) dan *Lampiran B (jika perlu)*

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(HJ. SULAIMAN BIN SAMSUDIN)

Pegawai Pendidikan Daerah Bagan Datuk